

Sultan Nazrin rasmi sambutan Hari Hutan Antarabangsa

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah semalam menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di Bulan Sultan Azlan Shah di Meru Raya, di sini.

Simbolik perasmian, baginda menyiram pokok cerupu atau 'Garcinia Prainiana', seakan-akan pokok manggis dengan cabang banyak dan merimbun, selain turut menyerahkan Sijl Pengurusan Hutan Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC & I) untuk Pengurusan Hutan Mampan (SFM) kepada Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohd Basri Abdul Manaf.

Sultan Nazrin turut menyempurnakan simbolik penyerahan anak pokok kepada kerajaan negeri sebelum bersama-sama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim ke acara penanaman pokok dan melawat pameran disediakan jabatan dan agensi terlibat.

Sementara itu, Menteri Besar,

Datuk Seri Saarani Mohamad dalam ucapannya pada majlis yang turut dihadiri Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata setakat 31 Mac lalu, keluasan hutan simpanan kekal (HSK) di Perak mencatatkan peningkatan.

Katanya, keluasan terkini mencecah 988,826.98 hektar atau 96.4 peratus daripada keluasan kawasan berhutan di negeri ini dan pada tahun lalu, kerajaan negeri berjaya mewartakan 4,655.55 hektar HSK baharu melibatkan 4,520.75 hektar hutan darat serta 134.80 hektar hutan paya laut.

"Tambahkan keluasan ini juga mengekalkan status Perak sebagai negeri yang mempunyai HSK tertinggi di Semenanjung iaitu sebanyak 47 peratus," katanya sambil menambah penerimaan sijil MC & I untuk SFM membuktikan pengurusan sumber hutan di Perak berdasarkan amalan terbaik selari piawaian antarabangsa.



Sultan Nazrin Shah menyiram pokok cerupu sebagai gimik perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di Meru Raya, semalam. Turut hadir, Saarani (kiri) dan Nik Nazmi. (Foto BERNAMA)